

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Rabu, 17 Mac 2021 12:10 ptg
To: UUM - All Staff
Subject: MPUUM Dan PERSATU Perkatakan Isu Jurnal Dan Penerbit Pemangsa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 MAC 2021 / 3 SYAABAN 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Prof. Dr. Che Su Mustaffa
Gambar oleh: MPUUM

MPUUM DAN PERSATU PERKATAKAN ISU JURNAL DAN PENERBIT PEMANGSA



UUM ONLINE: "Usaha penerbitan oleh ahli akademik kian hangat diperkatakan sejajar dengan konsep '*publish or perish*'. Dilema untuk menghasilkan penyelidikan berkualiti, pencapaian prestasi tahunan, pembiayaan, kompetensi, kematangan, kenaikan pangkat dan sebagainya dikatakan sebagai elemen penting yang mempengaruhi penghasilan penerbitan berkualiti dan berimpak tinggi.

"Isu yang hangat diperkatakan ini kian membahang apabila wujudnya jurnal, penerbit dan persidangan pemangsa yang memasuki ekosistem penerbitan. Fenomena ini menyebabkan

tumpuan mata dunia turut beralih kepada persoalan kemampuan ahli akademik di institusi pengajian tinggi untuk menghasilkan penerbitan yang mampu melahirkan pengetahuan baru dan mendatangkan impak,” kata Pengerusi Majlis Profesor UUM (MPUUM), Prof. Dr. Suhaidi Hassan dalam webinar *‘Predatory Journals & Publishers: A Wake-Up Call for UUM Academia’* anjuran bersama MPUUM dan Persatuan Akademik UUM (PERSATU), semalam.

Webinar dalaman yang merupakan perbincangan secara terbuka ahli akademik UUM ini menggandingkan tiga profesor terkemuka di UUM iaitu Prof. Dr. Mohd Zaini Abd Karim (Profesor Ekonomi), Prof. Dr. Ku Ruhana Ku Mahamud (Profesor Pengkomputeran) dan Prof. Dr. Hassan Abu Bakar (Profesor Komunikasi dan Pengurusan) bersama pemudah cara yang juga Presiden PERSATU, Prof. Dr. Rosna Awang Hashim.

Pada siri webinar itu, Prof. Dr. Hassan berkata, sebelum sesuatu penerbitan dihasilkan, ahli akademik sepatutnya perlu mengenal pasti komuniti akademik yang selaras dengan pengkhususan masing-masing.

Menurutnya, ini kerana tujuan utama penerbitan ialah untuk menyumbang kepada pengetahuan baru dalam bidang pensyarah berkenaan.

Katanya, penerbitan yang berkualiti akan disusuli dengan penghasilan impak iaitu sitasi (citation) yang diperolehi hasil dari penerbitan artikel pensyarah berkenaan.

Beliau turut berkongsi pengalaman dalam penerbitan artikel jurnal yang mana menurut beliau penerbitan yang terhasil akan memaparkan keserjanaan seseorang dan ahli akademik perlu bijak memilih penerbit yang menekankan kepada kualiti sesuatu artikel.

Sementara itu, Prof. Dr. Mohd Zaini dalam perkongsian beliau melahirkan kebimbangan apabila statistik menunjukkan bilangan artikel yang diterbitkan akademik UUM dalam jurnal ditarik balik status oleh SCOPUS adalah sangat membimbangkan.

“Isu ini adalah serius dan wajar ditangani dengan baik oleh pihak pengurusan universiti. Apatah lagi sekiranya isu dibiarkan berterusan, ia akan memberikan persepsi yang negatif terhadap kualiti akademik terutama artikel yang dihasilkan ahli akademik dari Malaysia.

“Penerbitan jurnal pemangsa ini timbul adalah akibat dari sistem pasaran bebas yang menekankan kepada keuntungan, di samping faktor menarik dan menolak yang lain,” katanya.

Webinar berkenaan turut memperkatakan tentang tata cara yang perlu diikuti oleh ahli akademik dalam menghasilkan penerbitan.

Prof. Dr. Ku Ruhana berkongsi beberapa garis panduan yang boleh diikuti oleh ahli akademik dalam usaha penerbitan seperti menyemak kadar penerimaan dan penolakan artikel bagi sesuatu jurnal, kualiti artikel yang diterbitkan, masa yang diambil untuk tujuan penerbitan, kadar bayaran yang dikenakan dan sebagainya.


Beliau turut menekankan kepada peranan penyelia bagi menghasilkan usaha penyelidikan yang baik dalam kalangan pelajar peringkat sarjana untuk membolehkan hasil penyelidikan pelajar di bawah penyeliaan mereka diterbitkan dalam jurnal yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Webinar berkenaan turut membincangkan tentang langkah yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan universiti bagi membantu ahli akademik seperti pemberian ganjaran penerbitan melalui dana penyelidikan, menyemak insentif penerbitan, penerbitan dalam jurnal berwasit yang berkualiti, dan polisi penerbitan universiti.

Webinar yang julung kalinya dianjurkan atas gandingan usahasama MPUUM dan PERSATU itu disertai 360 ahli akademik dan telah membuka ruang kepada peserta untuk memberikan pandangan dan mengemukakan persoalan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.